

**SULIT**

# ARAHAN TETAP

HALIMI BIN ABD HANIP  
Pegawai Perikanan  
Ibu Pejabat Perikanan

## KETUA PENGARAH PERIKANAN

### PENGUATKUASAAN AKTA PERIKANAN 1985



Disediakan oleh:  
Cawangan Pengurusan dan Perlindungan Perikanan  
Ibu Pejabat Perikanan Malaysia  
Kuala Lumpur  
Kabel: HEADFISH KL  
Telex: KLFISH MA 28157

SULIT

## PENDAHULUAN

### ARAHAN TETAP KETUA PENGARAH PERIKANAN

Maksud Arahan Tetap Ketua Pengarah Perikanan (ATKEPP) ini ialah untuk memberi garis-garis panduan serta arahan-arahan tetap mengenai-prosedur-prosedur menguatkuasakan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Perikanan 1985 yang dilaksanakan pada 1hb. Januari, 1986.

2. Semangat Akta dan semua peraturan perundangan di bawahnya yang tersebut adalah untuk melindungi kepentingan kaum-kaum nelayan serta melindungi sumber-sumber perikanan negara.
3. Dengan adanya Arahan Tetap ini, maka adalah diharapkan disiplin dan dedikasi yang tinggi dapat disemai oleh semua pegawai penguatkuasa dan tiap-tiap tindakan yang diamalkan akan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab, adil dan saksama.
4. Saya yakin dengan adanya Arahan Tetap ini maka tujuan-tujuan tersebut dan tugas-tugas yang diamanahkan akan dapat dicapai dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan bersih.



**(TENGGU DATO' UBAILLH BIN ABDUL KADIR)**  
**KETUA PENGARAH PERIKANAN,**  
**MALAYSIA,**  
**KUALA LUMPUR.**

Tarikh: 1hb. Januari, 1986.

SULIT

### **Tujuan Buku Arahan ATKEPP**

Dengan penggabungan Akta Perikanan 1985 adalah diharapkan pengurusan sumber perikanan akan menjadi lebih teratur dan berkesan.

Di samping itu adalah juga perlu diadakan satu panduan yang mana akan memberi tunjuk-ajar bagaimana hendak menguatkuasakan peruntukan yang terdapat dalam Akta Perikanan 1985. Semasa Akta Perikanan 1985 mula-mula diperkenalkan, para kumpulan sasaran telah meluahkan perasaan bimbang tentang kuasa-kuasa yang telah diberi melalui Akta Perikanan 1985. Perasaan ini juga telah teras oleh pihak jabatan kerana kuasa-kuasa yang diperuntukkan adalah terlalu luas dan kebimbangan bahawa kuasa-kuasa ini dipersalahkan juga timbul.

Dengan sebab itulah panduan yang dikenali sebagai Arahan Tetap Ketua Pengarah Perikanan (ATKEPP) dikeluarkan. ATKEPP bertujuan untuk membimbing pegawai-pegawai penguatkuasa dalam menjalankan tugas harian mereka agar ianya tidak terkeluar dari landasan tertentu.

Selain dari itu ATKEPP juga dikeluarkan bersama dengan Kadar Kompaun yang baru yang telah menetapkan tindakan yang boleh diambil terhadap kesalahan-kesalahan yang tertentu.

Adalah diharapkan yang ATKEPP boleh menyelaraskan tindakan yang diambil agar tidak berlaku nya 'double standard' di antara satu tempat dan satu tempat yang lain.

Akhir kata semua pegawai penguatkuasa hendaklah mengikut ATKEPP dengan penuh semangat dedikasi dengan sebaik-baiknya kerana ini akan dapat memberi perlindungan sekiranya ada perkara yang tidak diinginkan berlaku.

### **Rasional Akta Perikanan**

Keadaan eksploitasi sumber-sumber perikanan di perairan pantai Malaysia telahpun hampir ke tahap eksploitasi berlebihan. Kedudukan ini memerlukan tindakan-tindakan pengurusan yang segera bagi mengelakkan penjejakan pengurusan perikanan pantai. Oleh kerana Akta Perikanan 1963 adalah tidak komprehensif bagi tujuan pengurusan perikanan, Akta Perikanan 1985 telah digubalkan bagi membolehkan peruntukan-peruntukan undang-undang yang sewajarnya untuk menguatkuasakan langkah-langkah pengurusan untuk melindungi sumber-sumber perikanan.

Selain daripada itu dengan pengisytiharan Zon Ekonomi Eksklusif, Malaysia adalah juga diwajibkan di bawah Konvensyen Undang-Undang Laut Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mengurus dan melindungi tanpa menjejaskan sumber-sumber ikan di Zon Ekonomi Eksklusif. Akta Perikanan 1985 dengan peruntukan-peruntukan undang-undang terhadap pengurusan perikanan di Zon Ekonomi Eksklusif adalah sesuai dengan masanya.

Tujuan Akta Perikanan 1985 adalah untuk mengawal alat-alat menangkap ikan di perairan pantai dan aktiviti-aktiviti nelayan tempatan mahupun nelayan asing di Zon Ekonomi Eksklusif. Walaupun bagaimanapun, dalam tindakan-tindakan yang diambil terhadap perkakas-perkakas moden dan nelayan asing, pertimbangan istimewa perlu diberi terhadap nelayan-nelayan tradisi yang mencari rezeki di perairan pantai. Selain daripada itu, keperluan undang-undang juga melibatkan kuasa budibicara pegawai-pegawai berkuasa. Oleh sebab kekhawatiran nelayan-nelayan mengenai beberapa seksyen akta ini maka Jabatan telah menggubal panduan dan peraturan-peraturan pentadbiran untuk pelaksanaan Akta Perikanan 1985 dengan saksama dan berpatutan.

Dengan sebab-sebab di atas itu adalah perlu satu arahan tetap dikeluarkan sebagai panduan kepada pegawai-pegawai berkuasa, supaya semasa menguatkuasakan Akta Perikanan 1985 tidak lari dari prinsip-prinsip yang ada di dalam Akta Perikanan 1985.

### **3. Perlesenan Perkakas Menangkap Ikan.**

3.1. Prosedur pengeluaran lesen perkakas menangkap ikan adalah sama seperti yang dilaksanakan sekarang. Buku lesen perkakas menangkap ikan yang digunakan sekarang hendaklah terus digunakan setelah pindaan berikut dibuat:

3.1.1. Perkataan Akta Perikanan 1963 dipinda kepada Akta Perikanan 1985.

3.2. Peraturan Perikanan Laut 1967 masih terus dikuatkuasakan sehingga satu peraturan baru dikeluarkan untuk menggantikannya. Oleh itu kadar bayaran lesen, deposit dan peraturan-peraturan yang terdapat di dalamnya hendaklah terus digunakan.

### **4. Perlesenan Peranti Mengumpul Ikan (Fish Aggregation Device) dan Sistem Kultur Laut.**

4.1. Seksyen 11 (1), memperuntukan bahawa selain daripada perkakas-perkakas menangkap ikan; peranti mengumpul ikan dan sistem kultur laut juga perlu dilesenkan. Oleh kerana Peraturan - Peraturan Perikanan Laut mengenai perlesenan peranti dan sistem kultur laut ini masih belum dikeluarkan, perlesenannya hendaklah ditangguhkan buat sementara waktu sehingga peraturan mengenainya diwartakan dan prosedur-prosedur Jabatan dikeluarkan mengenainya.

### **5. Syarat-Syarat lesen Menangkap Ikan/Vesel Penangkapan Ikan.**

5.1. Syarat-syarat yang dikenakan ke atas lesen perkakas menangkap ikan yang digunakan ketika ini hendaklah digunakan setelah pindaan berikut dibuat:

5.1.1. Tempoh lesen diubah kepada berikut:

Tempoh lesen: Lesen tersebut sah sehingga 31hb. Disember setiap tahun kecuali dibatalkan atau digantung oleh sebab-sebab berikut:

- a) Operasi menangkap ikan tidak dimulakan 3 (tiga) bulan dari tarikh lesen bot dan lesen perkakas ini dikeluarkan; atau
- b) Sebarang pelanggaran ke atas syarat-syarat pengeluaran lesen.
- c) Sebarang pelanggaran ke atas Akta Perikanan 1985, atau peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya.

5.1.2. Mana-mana perkataan Akta Perikanan 1963 dipinda kepada Akta Perikanan 1985.

5.1.3. Mana-mana perkataan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 ditambah dengan...yang bersangkutan dengan kaedah-kaedah, Peraturan-Peraturan Perkapalan dan Keselamatan di laut.

5.1.4. Mana-mana perkataan taikong dipinda kepada Nahkoda.

5.1.5. Mana-mana perkataan Pekerja bot dipinda kepada kru bot.

## **BAHAGIAN VII — PROSEDUR MENGEKSPORT KERANG DEWASA ATAU KERANG BEKU (FROZEN)**

### **1. SYARAT-SYARAT**

- i) Eksport kerang dewasa/kerang beku hanya dibenarkan di negeri-negeri Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Johor Baharu, Kuala Terengganu, Kuching, Sarawak dan Kota Kinabalu, Sabah.
- ii) Kerang dewasa (*Anadara granosa*) yang berukuran tidak kurang daripada 31.8mm sahaja yang dibenarkan untuk eksport.
- iii) Benih-benih kerang (*Anadara granosa*) adalah dilarang sama sekali untuk dieksport.

### **2. Permohonan dan Borang**

- i) Setiap pengeksportan hendaklah mengisi 4 salinan permit eksport (No. 2/Pin. 5/81) tiga hari sebelum tarikh eksport.
- ii) Butir-butir berikut hendaklah dicatatkan di dalam borang Kastam No. 2:

- a) Nama biasa/saintifik kerang dewasa yang hendak diekspori.
- b) Ukuran/besar kerang dewasa yang hendak diekspori.
- c) Kuantiti yang hendak diekspori untuk konsignment ini.

iii) Borang Kastam No. 2 hanya boleh digunakan untuk satu konsignment sahaja. Untuk setiap kali eksport kerang, borang Kastam No. 2 hendaklah dimajukan kepada Jabatan Perikanan. Bagi pengeksport yang telah mengeksport mereka hendaklah memajukan kepada Jabatan Perikanan permit (borang Kastam No. 2) yang telah digunakan untuk konsignment yang terakhir.

### 3. Tempoh Permit

- i) Permit eksport kerang dewasa adalah sah untuk satu konsignment sahaja. Permit yang baru tidak akan dikeluarkan sehingga permit lama diberi balik.

### 4. Pemeriksaan

i) Buat sementara waktu pemeriksaan mengejut hendaklah dibuat dari masa ke semasa di pusat-pusat 'Exit' pengeksportan sahaja untuk memastikan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan dan kehendak undang-undang dipatuhi.

ii) Eksport kerang dewasa melalui laut dengan menggunakan vesel adalah tidak dibenarkan sama sekali kecuali ternakan di Pulau Langkawi dan Kuala Perlis.

iii) Pemeriksaan bolehlah dibuat secara rambang, kerang kurang dari saiz yang dibenarkan (dari satu segi penguatkuasaan) ialah sebanyak 30%.

## BAHAGIAN VIII — PROSEDUR MENGEKSPORT UDANG HIDUP DEWASA TIDAK BERTELUR KURANG DARI 178mm

### 1. Syarat-Syarat

i) Eksport udang harimau (*Penaeus Monodon*, *Penaeus semisulcatus*) dewasa bertelur dan tidak bertelur yang panjangnya melebihi 178mm dilarang diekspori. Ukuran tersebut adalah daripada penghujung 'rostrum' hingga ke 'telson' seperti pada gambarajah berkembar. Sekiranya rostrum dipotongkan, ukurannya adalah diukur daripada 'antennule' udang seperti yang bertanda 'X' di gambarajah tersebut.

### 2. Permohonan dan Borang-Borang

i) Setiap pengeksport hendaklah mengisi 1 salinan borang jadual eksport udang hidup dan 4 salinan permit eksport (Borang Kastam) No. 2/Pin. 5/81) tiga hari sebelum tarikh eksport. Butir-butir berikut hendaklah dicatatkan di dalam borang Kstam No. 2.

- a) Nama biasa/saintifik udang hidup yang hendak diekspori.....
- b) Panjang udang yang hendak diekspori.....
- c) Kuantiti yang hendak diekspori untuk satu konsignment ini.....

ii) Pemeriksaan udang hanya dibuat di Pejabat Perikanan pada waktu pejabat sahaja. Segala pindaan tarikh dan waktu pemeriksaan harus diberitahu kepada Pejabat perikanan sekurang - kurangnya 24 jam sebelum udang diekspori. Pihak Jabatan Perikanan tidak bertanggungjawab kepada kematian udang akibat kelewatan masa eksport.

iii) Borang Kastam 2 hanya boleh digunakan untuk satu konsignment sahaja. Untuk setiap kali eksport udang. Borang Kastam No. 2 dan borang jadual eksport udang hidup hendaklah dimajukan kepada Jabatan Perikanan. Bagi pengeksport yang telah mengeksport mereka hendaklah memajukan kepada Jabatan Perikanan permit (borang Kastam No. 2) yang telah digunakan untuk konsignment yang terakhir.

### 3. Tempoh Permit

i) Permit eksport udang hidup adalah sah untuk satu konsignment sahaja. Permit yang baru tidak akan dikeluarkan sehingga permit lama diberi balik.

**4. Pemeriksaan**

- i) Pada hari eksport, pengeksport hendaklah membawa udang-udangnya untuk diperiksa. Jika terdapat induk udang atau udang dewasa tidak bertelur yang panjangnya melebihi 178mm konsignment itu hendaklah ditolak.
- ii) Jika konsignment mengikut syarat-syarat seperti yang telah diberikan seterusnya konsignment hendaklah dimeterikan iaitu sebagai tanda kelulusan.
- iii) Pemeriksaan untuk menentukan jenis udang hendaklah dilakukan oleh Penolong Pegawai perikanan (Ternakair) yang telah dilatih bersama-sama pegawai-pegawai yang telah dilantik atau dengan Penolong Pegawai Perikanan Pengurusan, Pembantu Perikanan Tingkatan Khas (Gerak/Pengurusan). Tugas-tugas memeterikan kotak adalah tanggungjawab pegawai-pegawai Cawangan Pengurusan dan Perlindungan Perikanan. Pengarah Perikanan Negeri/Pegawai Perikanan Pengurusan hendaklah membuat pemeriksaan menjejut dari masa ke semasa.
- iv) Pemeriksaan secara rawak (random sampling) hendaklah dilakukan iaitu sekurang-kurangnya 30% daripada udang yang akan dieksport untuk setiap kotak diperiksa. Ini adalah untuk menentukan tidak ada induk udang dan udang dewasa tidak bertelur yang melebihi 178mm diseludup ke luar negeri. Sekiranya terdapat, seluruh konsignment tersebut hendaklah ditolak.
- v) Selepas pemeriksaan, setiap kotak udang hendaklah dimeterikan. Kotak-kotak ini hendaklah ditampal dan di belakang borang Kastam No. 2 pula dicop dengan perkataan berikut:

**Pemeriksaan Jabatan Perikanan**

Kotak ini telah diperiksa dan didapati bahawa isinya mengandungi udang benih (anak)/dewasa tidak bertelur yang panjangnya kurang dari 178mm sebanyak .....  
b.p. Ketua Pengarah Perikanan  
Malaysia

Nama Pegawai Pemeriksa:  
Jawatan Pegawai Pemeriksa:  
Tarikh Pemeriksaan:

- vi) Butir-butir berikut hendaklah dicop ke atas semua borang Kastam No. 2 dan seterusnya ditandatangani:

AKTA KASTAM (REVISED 1980) ACT 235 — SEKSYEN 31 (1)

Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) ..... Lesen eksport No: ..... ini dikeluarkan kepada syarikat ..... untuk mengeksport ..... kod tarif ..... Eksport ke ..... diluluskan sebanyak .....

Lesen ini sah sehingga.....  
Syarat lain jika ada.....  
Segala pindaan tidak dibenarkan  
Tarikh.....

b.p. Ketua Pengarah Kastam  
Kastam dan Eksais DiRaja

Sila ambil perhatian bahawa jika ada apa-apa pindaan atau kesilapan dalam mengisi butir-butir tersebut, pindaan tidak dibenarkan sebaliknya hendaklah dibatalkan dan dicop dengan yang lain.

- vii) Kuantiti udang dieksport hendaklah dicatatkan mengikut bilangan udang dan beratnya.
- viii) Selepas kotak diperiksa dan dimeterikan, Borang Kastam No 2. ditandatangani oleh Pegawai Perikanan, barulah udang sah untuk dieksport.

**5. Pihak Kastam**

- i) Sebelum Pihak kastam meluluskan eksport, diminta memastikan bahawa kotak-kotak ini mengandungi kenyataan pemeriksaan dan telah dimeterikan. Di borang Kastam No. 2 pula, permit ditandatangani oleh pegawai-pegawai yang telah meluluskan permit eksport udang sebelum eksport dibenarkan.

SULIT

ii) Pengarah Perikanan Negeri diminta supaya membincangkan dengan pihak Kastam Negeri untuk mendapatkan kerjasama dari mereka.

6. Pendaftaran

i) Semua Pejabat Perikanan Negeri dikehendaki menyimpan satu buku rekod untuk merekod semua permit eksport udang yang diluluskan, kuantiti, dan nama pengeksport.

ii) Buku rekod ini mesti dikemaskinikan setiap kali udang dieksport.

7. Peringatan

i) Prosedur-prosedur ini hendaklah diikuti dengan teliti dan tidak boleh diubah tanpa kebenaran daripada Ibu Pejabat.

ii) Udang harimau (kecuali benih) yang didapati daripada Sabah dan Sarawak tidak dibenarkan dieksport melalui Semenanjung Malaysia.

GAMBARAJAH MENUNJUKKAN CARA UDANG HARIMAU DIUKUR

